

**ENAKMEN 12 TAHUN 2002
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

**BAHAGIAN VIII - PELBAGAI
Kesahatarafan Anak**

Seksyen 112. Kelahiran lebih daripada empat tahun selepas pembubaran perkahwinan.

Jika anak itu dilahirkan lebih daripada empat tahun *qamariah* selepas perkahwinan itu dibubarkan sama ada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab perceraian, lelaki itu tidak boleh disifatkan sebagai bapa anak itu melainkan jika lelaki itu atau mana-mana warisnya menegaskan bahawa anak itu ialah anak lelaki itu.
